

**PEMBAHAGIAN HARTA DI LUAK REMBAU: KAJIAN
MENURUT HUKUM SYARAK**

ASMAH BINTI UJANG

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1988/89**

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja
saya sendiri kecuali nukilan-nukilan
dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

10 hb April 1989

3 hb Ramadan 1409

.....
(ASMAH BINTI UJANG)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام
على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى
آله وصحبه ومن تبع هداهم إلى يوم الدين .

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subhana Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua telah memberi taufiq dan hidayahNya kepada penulis untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini sebagai memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Dengan Kepujian bagi sesi 1988/89. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wa Sallam, keluarga dan para sahabat, serta para Syahadat yang gugur di jalan Allah.

Dengan rasa terhutang budi penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ustaz Abdul Rashid Haji Abdul Latif selaku penyelia Latihan Ilmiah ini yang telah banyak memberi bimbingan, membantu dan menunjuk ajar dari awal sehingga siapnya Latihan Ilmiah ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan untuk semua pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, khasnya pensyarah-pensyarah di Jabatan Syariah yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan, semoga segala ilmu yang telah penulis perolehi itu diberkati Allah Subhana Wa Taala. Hanya Allah jua yang berhak mengurniakan balasan ke atas mereka.

Buat emak dan abah yang tercinta, ribuan terima kasih diucapkan kerana doa dari emak dan abah, penulis telah berjaya sehingga ke peringkat ini. Doa dan harapan serta pengorbanan yang telah diberikan selama ini sangat disanjung. Segala pengorbanan dan didikan dari keduanya tetap bersemadi di sanubari penulis dan semoga kejayaan ini akan menjadi penawar segala pahit maung yang terokai dalam mendidik dan membesarkan penulis. Semoga Allah melimpahi rahmat dan kebahagiaan buat keduanya di dunia dan akhirat.

Terima kasih juga ditujukan kepada Kak Long, Abang Long, Abang Ngah, Abang Lang, Alang, Acik, Atam dan indul serta semua ahli keluarga yang telah banyak membantu penulis dari segi kewangan mahupun semangat. Tidak lupa juga buat Abang Asri dan Adik Ina yang menghulurkan pertolongan, jutaan terima kasih Ateh ucapkan dan semuanya itu akan tetap menjadi kenyataan.

Sekalung penghargaan diberikan kepada individu yang telah sudi untuk ditemu bual dan memberikan kerjasama yang telah menghulurkan bantuan secara langsung mahupun tidak langsung, budi baik kalian tetap dihargai dan hanya Allah yang dapat membalasnya kelak.

Akhirnya, untuk rakan-rakan seperjuangan dan adik-adik yang mengenali penulis, kemesraan dan kenangan bersama kalian akan tetap segar mewangi di dalam lipatan hati ini. Semoga ikatan persaudaraan dan persahabatan di antara kita akan berkekalan.

Sekian, Salam hormat untuk semua.
Wassalam.

Asmah Binti Ujang,
Kampung Paya Lebar Dalam,
71300 Rembau,
Negeri Sembilan.

K6G – 207,
Kamsis Aminuddin Baki,
Universiti Kebangsaan Malaysia ,
43600,
Selangor Darul Ehsan.

10hb April, 1989

3hb Ramadan 1409

SINOPSIS

Secara umumnya penulisan ini membincangkan tentang pembahagian harta di Luak Rembau yang berdasarkan Adat Perpatih. Seterusnya dilihat pula bagaimana pembahagian harta yang telah ditetapkan oleh syarak dan pandangan Islam terhadap pembahagian harta di dalam Adat Perpatih. Dalam bab pertama penulis menerangkan dan memperkenalkan latar belakang tempat di mana penulis membuat kajian iaitu menyentuh mengenai asal nama dan sudut sejarah serta pemerintahannya. Kemudian dikupas pula mengenai pengertian dan pembahagian adat serta kedatangan Adat perpatih di Negeri Sembilan amnya dan di Rembau khasnya. Dalam bab kedua pula penulis membincangkan mengenai konsep harta di dalam Adat Perpatih dan Islam, kemudian diterangkan pula tentang pengertian harta dan jenis-jenisnya. Dalam bab yang ketiga iaitu dalam bab yang terakhir, penulis masuk kepada tumpuan utama tajuk iaitu pembahagian harta di dalam Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Rembau serta pandangan Islam mengenainya.

PENDAHULUAN

Pengenalan

Isu mengenai masalah pembahagian harta di dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan khasnya di Rembau sering diperkatakan dan diperbincangkan oleh masyarakat umum.

Pada umumnya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pembahagian harta mengikut Adat Perpatih yang menjadi pegangan dan amalan masyarakat Rembau kini terdapat beberapa pertentangan jika dibandingkan dengan pembahagian harta di dalam Islam. Dalam suasana kebangkitan Islam dewasa ini, ramai di kalangan masyarakat Adat Perpatih itu sendiri yang telah menyedari akan pertentangan tersebut seterusnya berusaha untuk mengikis dan meninggalkan terus amalan tersebut.

Di sini perlunya masyarakat Adat Perpatih itu sendiri yang berusaha untuk mengubah dan menyesuaikan dengan mengikut hukum faraid yang telah ditentukan di dalam Islam.

Method Kajian

Untuk melengkapkan kajian ini penulis menggunakan tiga cara iaitu:

1. Kajian perpustakaan iaitu pengumpulan bahan-bahan dan kenyataan dari buku-buku dan kertas kerja-kertas kerja seminar.
2. Melalui temu bual dengan beberapa individu bagi mendapatkan bahan maklumat kajian.
3. Melihat laporan-laporan dari akhbar-akhbar dan majalah yang membincangkan mengenainya.

Tujuan Kajian

Penulis mengemukakan tajuk yang tersebut di atas dengan tujuan untuk melihat dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai Adat Perpatih di Rembau yang sering diperbincangkan oleh masyarakat umum, terutamanya yang berkaitan dengan masalah pembahagian harta., setakat mana ianya bertentangan dengan hukum Syarak seperti yang sering diperbincangkan.

Menyedari hakikat tersebut, penulis telah berusaha membuat satu kajian yang berhubung dengan masalah ini bagi mencari gambaran sebenar dan penyelesaiannya. Di samping ini juga kajian ini dibuat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam bagi sesi 1988/89.

Dalam membuat dan menyiapkan kajian ini, tidak dapat dinafikan bahawa penulis memang telah menghadapi dan berhadapan dengan berbagai masalah. Namun berkat ketabahan dan kerjasama yang dihulurkan oleh berbagai pihak, maka kajian ini telah dapat diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam bentuk yang ada sekarang ini.

Penulis berharap semoga kajian dari penulis ini akan memberi manfaat yang menyumbangkan sedikit sebanyak maklumat kepada pembawanya. Seterusnya penulis berharap agar masyarakat Adat Perpatih yang masih mengamalkan cara pembahagian harta yang bertentangan dengan Islam ini supaya meninggalkannya dan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh syarak mengenainya.

SISTEM TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>		<u>Huruf Latin</u>		<u>Huruf Arab</u>		<u>Huruf Latin</u>
ا	=	a		ض	=	d
ب	=	b		ط	=	t
ت	=	t		ظ	=	z
ث	=	th		ع	=	c
ج	=	j		غ	=	gh
ح	=	h		ف	=	f
خ	=	kh		ق	=	q
د	=	d		ك	=	k
ذ	=	dh		ل	=	l
ر	=	r		م	=	n
ز	=	z		ن	=	n
س	=	s		و	=	w
ش	=	sy		ه	=	h
ص	=	s		ي	=	y

Vokal Pendek

a /
 i /
 u و

Vokal Panjang

a ا /
 I ي /
 u و و

Diftong

ay ي و/
 aw و و/

SENARAI SINGKATAN

Cet.	cetakan
Hal.	halaman
Ibid.	(ibidem) di tempat yang sama
YM	Yang Mulia
YTM	Yang Teramat Mulia
M	Masihi
H	Hijrah
Juz.	Juzu
Vol.	Volume
S.A.W	Salla Allah Alayh Wasalam
S.W.T	Subhana Wa Taala
Bil	Bilangan
t.t	Tanpa Tarikh
t.tp	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit
Prof.	Profesor
Dr.	Doktor
MBNS	Menteri Besar Negeri Sembilan
PERMANIS	Persatuan Mahasiswa Negeri Sembilan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	V
Pendahuluan	Vi
Sistem Transliterasi	Vii
Senarai Singkatan	Viii
Isi Kandungan	Ix

BAB I

Sejarah Rembau Dan Adat Perpatih

1.1 Sejarah Rembau	
1.1.1 : Asal Nama Rembau	1
1.1.2 : Zaman Permulaan Rembau	2
1.1.3 : Penglibatan Orang-orang Minangkabau	7
1.1.4 Kedatangan Raja Melawar	9
1.1.5 Yamtuan Muda Rembau	10
1.1.6 Pemerintahan Rembau	13
1.2 Pengertian Adat	17
1.3 Adat Perpatih	24
1.4 : Kemunculan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan	27
1.5 : Kedatangan Adat Perpatih Di Rembau	30
1.6 : Pembahagian Adat	31
1.6.1 : Adat Yang Sebenar Adat	32
1.6.2 : Adat Yang Diadakan	34
1.6.3 : Adat Yang Teradat	35
1.6.4 : Adat Istiadat	36
1.7 : Konsep Teras Adat	37

BAB II

Konsep Harta Dalam Adat Perpatih Dalam Islam

2.1 : Konsep Harta Dalam Adat Perpatih	38
2.2 : Jenis-jenis Harta Dalam Adat Perpatih	39
2.2.1 : Harta Pusaka	40
2.2.2 : Harta Pembawa	40
2.2.3 : Harta Dapatan	49

	2.2.4 :	Harta Carian		50
2.3 :		Pandangan Adat Perpatih Terhadap Harta		51
2.4 :		Konsep Harta Dalam Islam		52
	2.4.1 :	Definisi Harta		53
2.5 :		Jenis-jenis Harta Dalam Islam		56
2.5.1 :		Harta Mathkum Dan Ghairul Mathkum		57
2.5.2 :		Harta Alih Dan Harta Tak Alih		57
2.5.3 :		Harta Mithali Dan Qimi		62
2.5.4 :		Harta Isthah Halaki Dan Isthah Mali		63

BAB III

Pembahagian Harta Menurut Adat Perpatih Dan Pandangan Islam Mengenainya

3.1 :		Sistem Perwarisan Harta Dalam Adat Perpatih		65
3.2 :		Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih		66
	3.2.1 :	Pembahagian Harta Pusaka		66
	3.2.2 :	Pembahagian Harta Carian		71
	3.2.3 :	Pembahagian Harta Perkahwinan		75
3.3 :		Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Sistem Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih		77
3.4 :		Hak Lelaki Terhadap Harta Dalam Adat Perpatih		78
3.5 :		Pandangan Islam Terhadap Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih		81

PENUTUP		93
----------------	-------	----

BIBLIOGRAFI		105
--------------------	-------	-----

BAB II

KONSEP HARTA DALAM ADAT PERPATIH DAN ISLAM

2.1 Konsep Harta Dalam Adat Perpatih.

Sebelum mengkaji dengan lebih mendalam mengenai jenis-jenis harta dan tentang Persoalan yang timbul di dalam sistem pembahagian harta dalam Adat Perpatih, agak perlu diperhatikan tentang konsep harta di dalam Adat Perpatih untuk dibuat perbandingan dengan konsep harta menurut Islam.

Pada pandangan penulis, ianya merupakan konsep asas yang berbeza sekali dari segi pandangan adat dan Islam itu sendiri sehingga menimbulkan berbagai persoalan mengenainya.

Harta di dalam Adat Perpatih lebih memberikan penumpuan terhadap “harta pusaka”. Di samping itu terdapat beberapa jenis harta lagi yang pada pengertianya adalah sama. Ini dapat kita buktikan dengan membandingkan berbagai jenis barang atau benda yang dinamakan harta pusaka itu sendiri tanah, rumah, sawah dan ladang juga terdapat di dalam pengertian harta pembawa, harta dapatan dan harta carian. Cuma yang membezakan harta-harta tersebut dari sumber mendapatkannya cara pemilikannya dan cara pembahagiannya.

2.2 Jenis-jenis Harta Dalam Adat Perpatih.

Harta yang dimaksudkan dari segi ideanya ialah “tanah” dan jenis in terbahagi kepada dua :

- i. Tanah Pusaka Adat.
- ii. Tanah Pusaka Kecil

Tanah Pusaka Adat yang dimaksudkan adalah terlingkung di dalam perbilangan kata ini :

Sawah yang di jinjang
Pinang yang gayu
Nyiur yang saka
Lembaga yang punya

Tanah Pusaka Adat ini, dipulangkan kepada waris perempuan di dalam suku itu sahaja dan sehingga ke hari ini perwarisan harta pusaka di Negeri Sembilan khususnya di Rembau, masih lagi mengikut Adat Perpatih yang berpandukan kepada Undang-undang Sistem Pemilikan Tanah Adat 1909. Tanah Adat ini juga dikenali

sebagai “Pusaka Benar”.¹ Tanah Pusaka Kecil pula perwarisannya adalah dikawal oleh “The Small Estates Distribution Ordinance 1972, Act. 98”, perwarisan harta ini tidak mengikut keseluruhan sistem adat, tetapi mengikut sistem faraid Islam di mana anak-anak perempuan dan lelaki mempunyai hak terhadap harta tersebut.

Dari perbincangan yang diberikan di atas jelas menunjukkan bahawa kedua-dua jenis tanah tersebut boleh dikategorikan sebagai harta pusaka.

2.2.1 Harta Pusaka

Pusaka sebagai satu konsep didefinisikan sebagai benda sama ada rumah, tanah atau barang-barang perhiasan yang diterima daripada ibu bapa atau nenek moyang atau generasi terdahulu daripadanya. Harta ibu bapa atau nenek moyang akan menjadi pusaka apabila diturunkan kepada generasi di bawahnya.

Ada, dua jenis harta pusaka yang dapat dikenal di dalam Adat Perpatih iaitu:

- a. Pusaka Benar
- b. Pusaka Sendiri

a. Pusaka Benar

Ia merangkumi “Tanah Pusaka Adat” atau “Customary Land” dan lain-lain harta kepunyaan suku yang dikenali juga sebagai harta “Pusaka Suku” iaitu terdiri daripada harta-harta tak alih seperti tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang terletak di atas tanah pusaka.

Perwarisan harta pusaka benar ini diberikan kepada anak perempuan sesuku secara turun-temurun bermula dari ibu kepada anak perempuan seterusnya kepada anak perempuan yang berikutnya. Oleh itu tanah yang menjadi harta pusaka itu akan didaftarkan atas nama perempuan. Jika si ibu tidak mempunyai anak perempuan maka yang diwarisi hartanya ialah keluarga perempuan yang hamper iaitu berpindah kepada saudara perempuan dari sukunya seterusnya pula akan diwarisi oleh anak perempuan saudara perempuan tersebut. Anak lelaki tidak berhak memilikinya tetapi boleh tinggal dan mengerjakannya selagi ia belum berkahwin atau jika tanah itu terbiar, seperti kata adat :

Terbit pusaka kepada saka
Si lelaki menyandang pusaka
Si perempuan yang mempunyai pusaka
Orang semenda yang membela

Sekalipun anak lelaki itu dikatakan tidak menuntut Tanah Pusaka Adat, namun ia boleh, mengambil hasil daripada tanah itu selama hayatnya terutamanya apabila ia tidak mempunyai saudara perempuan. Di samping itu dalam keadaan yang sesuai dan ia memerlukannya mak dibolehkan juga meminta dituliskan namanya di belakang geran tanah tersebut sebagai pemegang kuasa dan memakan hasil. Tetapi apabila ia

¹ Tan Sri Dato’ Haji Abdul Samad Idris, “Kemurnian Dalam Adat Perpatih,” Kertas kerja Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih, anjuran MBNS, pada 9 hb – 12hb. April, 1974, hal .4

meninggal dunia kelak, tanah itu dengan sendirinya akan kembali semula kepada “sekedim” (saudara) perempuan yang mempunyai hak milik ke atas tanah itu.

Harta pusaka sebagai milik suku tidak boleh diperlakukan sekehendak hati oleh pemiliknya yang mewarisi harta tersebut. Anak-anak perempuan yang mewarisi harta itu boleh dianggap sebagai pemegang amanah dan menerima kuasa menjaga harta tersebut mewakili satu-satu suku. Oleh itu pemegang amanah ini mempunyai obligasi ke atas harta itu dan mempunyai tanggungjawab ke atas keluarganya kerana memiliki harta pusaka tersebut seperti berikut :

1. Menjaganya dan darah semua ahli keluarga lelaki dalam keluarga yang mempunyai ikatan darah daging sesuai dengan kata perbilangan:

Cicir dipungut
Hilang dicari
Nyawa darah waris yang punya
Rugi laba isteri yang punya
2. Membayar hutang lelaki bujang sekedimnya, seperti pinjaman yang tidak dapat dijelaskan rugi dalam perniagaan dan lain-lain.
3. Meluangkan tempat tinggal lelaki sekedimnya, sebelum tau selepas berkahwin jika dalam keadaan sakit atau bercerai.
4. Mengeluarkan belanja mengisi adat nikah kahwin atau denda-denda yang berhubung dengan perkahwinan, mengadakan persalinan dan hadiah.
5. Perbelanjaan untuk upacara penyelenggaraan kematian termasuk perbelanjaan kenduri-kendara yang berkenaan.
6. Mengerjakan haji bagi si mati (pemilik harta). Ini dilakukan dengan memberi wang kepada orang yang akan mengerjakan haji itu. Wang itu digunakan untuk membeli serban dan jubah. Orang yang mengambil upah akan membuat mengikut syarat dan rukun.
7. Perbelanjaan kenduri “tamat kampung” diadakan setahun sekali di kubur nenek moyang.
8. Perbelanjaan menuntut ilmu agama keluarga.
9. Membantu perbelanjaan naik haji ke Mekah
10. Menjaga keselamatan harta pusaka.

Dalam Adat Perpatih, kehidupan seseorang saudara lelaki boleh dikatakan bergantung kepada saudara perempuan apabila berlaku sesuatu perkara yang tidak

diingini pada masa tuannya seperti kematian isteri atau jatuh miskin sehingga tiada tempat bergantung.

Dalam masyarakat adat, saudara lelaki itu tidak akan terbuang atau diabaikan oleh saudara perempuan kerana perbilangan adat ada menyebut :

Saudara lelaki itu
Cicir dipungut
Hilang dicari
Rugi laba isteri yang punya
Nyawa darah waris yang punya
Sebusuk-busuk daging dibasuh di kincah
dimakan juga.¹

Perbilangan juga akan mengatakan :

Dahaga tempat meminta air
Lapar tempat meminta nasi
Mengantuk tempat meminta bantal
Semasa sakit pening minta bela pelihara
Mati minta dikebumikan.

Harta ini tidak boleh berpindah milik semasa hidup kecuali oleh satu-satu sebab tertentu dan dengan kebenaran Lembaga atau Undang. Seperti kata adat :

Dijual tidak dimakan beli
Digadai tidak dimakan sandar

Sekiranya ada yang ingin menjualnya maka diletakkan rintangan-rintangan :

Sah batal pada sekedim
Kata bercari kepada warisnya
Tinggal waris menongkat
Tinggal sekedim melintang
Tinggal harta bertuah tak jadi
Tinggal tua batal.²

Kebenaran untuk menjual atau menggadaikan apabila berlaku keadaan-keadaan berikut :

Adat pusaka tak berdiri
Rumah gadang bertirisan
Gadis gadang tak berlaki
Mayat terbujur di tengah rumah.

Penjualan atau penggadaian masih dibataskan hanya kepada ahli-ahli suku. Diberikan keutamaan kepada waris yang paling hamper seperti saudara seibu sebapa,

¹ Mohd Sharif Fakeh, hal. 16.

² Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih , (Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distribution Sdn Bhd, 1975), hal. 114.

sepupu dan seterusnya. Notis hendaklah dikeluarkan sebulan sebelumnya bagi memberi peluang kepada keluarga atau anggota-anggota sesuku. Keutamaan diberikan berdasarkan susunan berikut :¹

- a. Keluarga yang hamper seperti saudara seibu sebapa lebih dari keluarga yang jauh, peraturan yang sama seperti dalam perwarisan adat. Ianya berlaku di dalam kes Kechik V. Shamsiah, 189.
- b. Ahli-ahli dari perut yang sama (sesuku), sekali sangat jauh untuk mewarisi tetapi lebih utama dari ahli-ahli perut yang lain. Ijah V. Indam, 190.
- c. Ahli-ahli suku sekalipun lelaki, lebih utama dari ahli-ahli suku lain, di dalam kes Tiawa V. Bolok, 191. Tetapi lelaki yang telah berkahwin termasuk dalam suku isterinya dan ia tidak dikira sebagai ahli suku ibunya untuk maksud ini. Repah V. Siah & Taib, 185.

Berdasarkan perkembangan akhir-akhir ini, pemilik harta itu dibenarkan menjual atau mengadaikan harta pusaka benar dengan alasan yang betul-betul mendesak. Adat juga membenarkan kalau untuk tujuan pembangunan negeri, seperti membuat pejabat pos masjid dan sebagainya.²

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Taylor³ ke atas harta pusaka di Rembau, beliau menyatakan bahawa jika salah seorang dari anak perempuan yang sekian lama merantau atau kembali semula untuk tinggal di kampung halamannya di Rembau, ia berhak mendapat bahagian harta yang sama dengan saudara perempuan yang mewarisi harta tersebut.

b. Pusaka Sendiri

Pusaka sendiri juga dikenali sebagai pusaka waris. Harta ini merupakan harta penambahan dalam satu-satu suku. Harta jenis ini merupakan harta benda yang diwarisi oleh anak orang tuanya, seperti barang-barang kemas dan lain-lain harta carian bapa atau pemberian bapa.

Cara perwarisan harta pusaka ini tidak sama dengan harta pusaka suku, kerana pusaka waris seperti keris, pedang dan lain-lain pakaian lelaki juga diwarisi oleh kaum lelaki. Bagi menentukan cara perwarisan ini, permuafakatan sering diadakan untuk mencapai kata sepakat dalam menentukan siapakah ahli waris yang berhak mewarisi harta pusaka tersebut.

Umumnya, selain daripada harta pusaka yang diterangkan di atas, wujud tiga jenis harta lagi dalam Adat Perpatih iaitu :

¹ E.M Taylor, Customary Law Of Rembau, hal.129.

² Temu bual dengan Datuk Haji Mohd. Fakeh Hassan di Rembau pada 24hb. September 1989.

³ Artikel Taylor di dalam buku Hooker, Readings in Malay Adat Laws : hal. 127.

- i. Harta Pembawa
- ii. Harta Dapatan
- iii. Harta Carian.

2.2.2 Harta Pembawa

Di kalangan masyarakat Adat Perpatih dahulu, harta pembawa biasanya terdiri daripada senjata-senjata Melayu seperti keris, tombak, lembing, pakaian yang dikenali juga sebagai “cenderung mata” dan termasuk juga binatang-binatang ternakan seperti kerbau, lembu, kambing dan sebagainya.

Harta pembawa ini berasal dari dua sumber utama, sama ada harta yang didapati oleh seseorang lelaki itu semasa ia masih bujang (carian bujang), atau harta-harta yang telah diberikan oleh ibu bapanya. Harta ini dibawa oleh pihak lelaki untuk kegunaan bersama selepas berkahwin, tetapi bersifat milik suami. Sekiranya berlaku perceraian, ianya kembali menjadi hak lelaki dan sekiranya lelaki tersebut meninggal dunia, dikembalikan kepada ahli warisnya.

Harta pembawa ini boleh disimpulkan kepada beberapa cirri iaitu :

- i. Harta carian bujang, iaitu harta carian hasil titik peluh pihak lelaki berkenaan. Bila ia meninggal dunia, harta ini jatuh kepada anak saudara perempuannya.
- ii. Harta yang dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak lelakinya. Bila ia mati dalam keadaan sudah berkahwin, harta itu dikembalikan semula kepada warisnya.
- iii. Hadiah-hadiah dari keluarga kepada pihak lelaki sesudah berkahwin. Apabila si isteri meninggal dunia, maka permohonan untuk pemulangannya mestilah dibuat ketika kenduri “seratus hari”. Tatkala ini juga si suami dijemput balik ke tempat suku asal oleh keluarganya. Tanpa isteri ia telah mempunyai hak lagi untuk terus tinggal di tanah isterinya.
- iv. Harta bahagiannya hasil dari pembahagian harta carian juga ia sudah beristeri sebelum itu. Harta ini bila meninggal dunia, akan kembali kepada warisnya.¹

2.2.3 Harta Dapatan

Iaitu harta yang didapati oleh seseorang perempuan pada waktu perkahwinan. Harta dapatan ini termasuklah harta pusaka, warisan turun-temurun kepada perempuan iaitu pusaka benar seperti “Tanah Pusaka Adat” dan juga “Pusaka Sendiri” mengandungi pemberian ibu bapanya berupa pakaian dan barang-barang peremasan. Selain dari itu, harta dapatan juga termasuk :

- i. Harta dari titik peluh perempuan sewaktu belum berkahwin.

¹ Ahmad Ibrahim, Islam Customary Law of Malaysia, Intisari, Vol. ii, No.2, hal. 66.

- ii. Harta sewaktu janda bahagian yang didapati sewaktu bercerai dengan suami dahulu.

2.2.4 Harta Carian

Taylor¹ membahagikan harta ini kepada dua jenis iaitu berdasarkan sumber atau punca harta itu didapati iaitu :

a. Carian Bujang

Harta yang dicari oleh lelaki yang belum kahwin dipanggil carian bujang. Jika harta itu merupakan pendapatannya sendiri, ia mempunyai kuasa untuk menjadikan harta itu sebagai miliknya. Carian bujang dikira juga dari harta yang didapati oleh seseorang semasa kanak-kanak daripada ibu bapanya. Dalam satu-satu perkahwinan harta carian bujang menjadi harta pembawa. Apabila berlaku penceraian, harta itu kembali ke tangan pihak lelaki atau warisnya.

Apabila pemilik harta carian bujang ini mati sama ada bujang atau telah berkahwin, harta itu kembali ke tangan waris dan dibahagikan mengikut peraturan-peraturan pembahagian harta pusaka yang telah ditentukan.

Bagi anak-anak gadis yang berkahwin awal, mereka tidak mempunyai pendapatan sendiri. Oleh itu mereka tidak mempunyai harta carian tetapi mendapat atau memiliki harta dapatan. Walau bagaimanapun, apabila ia bercerai dan menjadi janda, ia boleh mendapat harta-harta carian secara berusaha sendiri. Harta yang didapati ini boleh dikategorikan sebagai harta carian bujang atau carian janda.

b. Carian Lakibini (suami isteri).

Harta ini merupakan harta yang diperolehi bersama selama perkahwinan. Punca harta ini diperolehi misalnya, hasil dari ladang getah, alat-alat pertanian, simpanan bersama atau hasil padi dan lain-lain. Sistem pewarisan harta carian lakibini ini, telah ditetapkan oleh hukum adat berdasarkan kata perbilangn :

Putus belah seorang beragih
Carian bahagi
Dapatan tinggal
Bawaan kembali

2.3 Pandangan Adat Perpatih Terhadap Harta

Adat Perpatih dari segi ideanya adalah memberikan perhatian yang sangat besar terhadap harta, menggalakkan pengumpulan harta dan mendorong supaya harta yang ada ditambah. Pepatah ada menyebut bahawa :

“Nyawa terletak di atas badan, Badan di atas harta”²

¹ Taylor, *JIMBRAS*, Vol. 7, 1929, hal. 14.

² Haji Mohd. Din bin Ali, “ Malay Customary Law” yang diedit oleh Buxhum, D.C. *Family Law dan Customary Law in Asia : A Contemporary Legal Perspective*, 1968, hal. 186.

Di zaman dahulu, cara anggota masyarakat Adat Perpatih menambah harta adalah melalui pembukaan tanah-tanah baru di luar kawasan perkampungan. Pembukaan tanah baru ini lazimnya diketuai oleh Buapak atau Datuk Lembaga, bersama-sama dengan anak-anak buahnya.

Galakan terhadap pengumpulan harta jelas dari sasaran-sasaran yang ditujukan kepada anggota-anggota muda terutamanya supaya pergi merantau mencari bekal dan mengumpulkannya, serta dibawa balik keuntungan-keuntungan yang didapati ke kampung halaman. Konsep “merantau” yang bertujuan ekonomi amat ketara sekali dijiwai dengan semangat pengumpulan harta.

Dorongan supaya menambah harta jelas tersusun dalam peribahasa adat iaitu :

“Menyebar nak lebar, Menyambung nak panjang.”

Harta lebih merupakan hak suku dan boleh itu diwarisi umumnya oleh kaum perempuan. Bila telah diturunkan maka ia kekal hingga masa-masa yang seterusnya menjadi harta pusaka.

2.4 Konsep Harta Dalam Islam

Harta ialah benda yang biasanya dihajati atau diperlukan oleh manusia. Di dalam Islam harta dikenali sebagai ‘al-Mal’.¹ Ia mempunyai berbagai bentuk makna.

2.4.1. Definisi Harta.

Harta dari sudut bahasa ialah tiap-tiap sesuatu yang dihimpunkan atau diperolehi oleh manusia dengan perbuatannya sama ada ^c ain dan manfaat. Contohnya seperti emas, perak, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau sesuatu yang memberi manfaat seperti tunggangan, pakaian dan tempat perlindungan. Bagi Sesuatu yang tidak boleh dikumpulkan atau diperolehi, ianya tidak dinamakan harta seperti burung di udara, ikan di air ataupun galian di perut bumi². Ada yang mengatakan bahawa ianya merupakan harta yang tidak dapat kita miliki secara sebenar, tetapi boleh dimiliki dengan cara manfaat daripadanya.

Harta merangkumi segala yang berbentuk benda ain, hutang, manfaat Sesuatu barang yang harus dan hak-hak yang bersih³. Bagi orang-orang Islam benda-benda yang terlarang atau tidak patut digunakan seperti penggunaan arak dan babi diakui oleh Islam sebagai najis. Ianya bukanlah harta walaupun ia menjadi harta bagi orang-orang bukan Islam⁴. Undang-undang Islam menolak kerana ianya tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada manusia dan tiada nilainya.

¹ Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence in the Modern World, (Pakistan : S.H Muhammad Ashraf Kashgmiri Bazar Lahore), Second Revised Editing, 1973, hal. 313.

² Dr. Wahbah al-Zuhaili, al-fiqh al-Islamic wa Adillatuhu al-Nazariat al-Fighiah Wal Uqud (Dar al-Fikr, tanpa tarikh), hal. 40

³ Dr. wahbah Al-Zuhaili, Al-Usul Al-Ammah Li Wihdah Al-Din Al-Haq, (Damsyiq : Al-Muktabah Al -Abasiyah 1972), hal. 152.

⁴ Ahmad Al-Qadri. Hal. 170.

Pemilik harta adalah bebas untuk mengambil hartanya menerusi jalan-jalan yang diharuskan¹. Dan menggunakan ketika perlu. Ada beberapa benda dan faedah yang tidak dibenarkan undang-undang untuk dimiliki oleh seseorang seperti, udara, cahaya matahari, api rumput, air laut, sungai, jalanraya dan sebagainya. penggunaannya hendaklah tidak menimbulkan ketidakadilan dalam masyarakat. Tidak ada seorang pun yang boleh melarang orang lain menikmati cahaya dan udara, begitu juga api. Apa yang dimaksudkan dengan penggunaan api yang menjadi penggunaan umum kepada manusia ialah jika ada orang menyalakan api di padang pasir misalnya untuk memanaskan badannya, makan orang lain tidak boleh menghalangnya dan menggunakan api tersebut.. begitu juga jika di sana tumbuh rumput liar di atas tanah seseorang dan tidak dipagari, mereka tidak boleh mengambil sebarang tindakan bagi orang yang memotong rumput itu. Tetapi jika rumput itu ditanam oleh seseorang atau telah dipotong maka ia menjadi harta kepada orang itu. Begitu juga dengan air adalah umum untuk semua manusia selagi ia tidak dipisahkan dari sumber asalnya.

Di dalam Islam terdapat dua bentuk harta :

i. Harta Khusus

Harta yang dimiliki oleh individu-individu tertentu seperti harta yang ditahan termasuk harta kanak-kanak kecil, orang gila pemboros, bodoh, orang berhutang lebih dari hartanya dan harta anak yatim.

iii. Harta Umum.

Harta yang tidak diketahui pemiliknya seperti harta jumpaan, harta wakaf, harta rampasan , tanah mawat dan lain-lain lagi, termasuk juga harta yang didapati daripada pihak yang tidak beragama Islam membenarkan sesuatu barang atau semula jadi boleh menjadi harta milik seseorang tetapi sebelum menjadi milik sesiapa, ia adalah terbuka kepada umum.

Harta dapat dibahagikan kepada tiga sifat :

- i) Bernilai dan berharga
- ii) Bermanfaat dan mempunyai kepentingan
- iii) Mampu dimiliki

2.5 Jenis-jenis Harta dalam Islam.

Harta dalam Islam terdiri dari berbagai jenis dan setiap jenis tersebut

¹ Dr. wahbah al-Zuhaili, Al- usul Al- Ammah, hal.152

mempunyai hukum-hukum dan pembahagian tertentu. Menurut pendapat dr. Wahbah al-Zuhaili¹, harta terbahagi kepada :

- i. Berdasarkan kepada harus mengambil manfaatnya atau diharamkan.
- ii. Berdasarkan kepada berkekalan barang itu pada tempatnya atau tidak berkekalan pada tempatnya, terbahagi kepada harta Alih. (متغير) atau Harta Tak Alih (عقار).
- iii. Berdasarkan kepada sama keseluruhan harta itu atau sebahagiannya sahaja yang tidak sama, terbahagi kepada harta Mithli (منقلى) dan Qini (ثمنى).
- iv. Berdasarkan kepada kekal ainnya dengan penggunaan harta itu (استعمال كى) dan tidak kekal ainnya (استعمالى).

2.5.1. Harta Mathkum dan Ghairul Mathkum

Harta Mathkum ialah harta yang harus diambil faedah darinya melalui daya usaha seperti harta tetap, harta tidak tetap dan makanan yang berbagai jenis kecuali yang diharamkan. Harta Ghairul Makhtum ialah harta yang dikumpulkan sama ada melalui usaha ataupun tidak, yang tidak dipelihara atau tidak harus diambil manfaat dengannya kecuali dalam keadaan terpaksa. Contohnya harta bernilai seperti ikan dalam air, burung di udara dan babi yang dinisbahkan kepada orang-orang Islam. Adapun selain daripada orang-orang Islam, kedua barang tersebut adalah harta bernilai. Tetapi setengah fuaha seperti As-Syari, Abu Thaur, Ibn Hazm Al-Zohiri berpendapat benda-benda ini adalah haram dan tidak dikira sebagai harta sekalipun dinisbahkan kepada orang-orang bukan Islam.

2.5.2. Harta Alih dan Harta Tak Alih.

Ada dua pembahagian utama mengenai harta iaitu Harta Alih dan Harta Tak Alih. Di dalam Islam, perbincangan mengenai harta lebih banyak ditumpukan kepada harta jenis ini. Harta Alih ialah harta yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain dan mudah rosak, di mana hal ini jarang berlaku kepada Harta Tak Alih. Harta Alih biasanya rosak jika kerap digunakan dan ia tidak boleh digunakan untuk jangka waktu yang tidak tentu lamanya, tetapi hal ini tidak berlaku pada tanah yang boleh digunakan sama ada untuk mengeluarkan hasil atau digunakan dalam bentuk yang lain seperti membina bangunan di atasnya tanpa mengurangkan nilai tanah. Contoh harta Alih ialah segala yang ada di atas tanah seperti tanaman, pokok, bangunan, haiwan dan perhiasan. Tetapi Imam Malik bin Anas tidak mengambil kira

¹Dr. wahbah Al-Zuhaili, Al-Figh Al-Islami Wa Adillatulhu, hal.43

bangunan dan pokok sebagai Harta Alih, sebaliknya beliau memasukkan keduanya sebagai Harta Tak Alih.¹

Harta Alih juga merupakan satu bentuk harta yang boleh dihapuskan dan boleh berlaku kekurangan padanya. Ianya boleh disukat seperti beras ataupun boleh diukur seperti kain atau boleh dikira seperti binatang.²

Merujuk kepada perbincangan mengenai harta Alih ini, di kalangan ulama turut memberi beberapa pendapat antaranya ialah :

- i. Menurut pendapat Hanafiah, harta Alih ialah harta yang boleh berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain sama ada ia kekal di dalam bentuk dan gambaran yang asal ataupun berubah bentuk dan rupa ini dengan berlakunya perpindahan seperti wang ataupun wang yang dijual melalui kiraan ataupun sukatan³.
- ii. Menurut pendapat Malikiyah, harta alih ini ialah harta yang boleh berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain bersama-sama dengan kekalnya gambarnya tau rupa pada asalnya seperti pakaian, buku dan kenderaan.⁴

Menurut pendapat Dr. Wahbah al-Zuhaili, harta Alih ini dibahagikan kepada beberapa bahagian :

- i. Harta yang pada kebiasaannya dijual secara kiraan ataupun sukatan seperti gandum. Harta ini dikenali sebagai “Makilat”.
- ii. Harta yang kebiasaannya dijual mengikut timbangan berat seperti emas, perak dan minyak. Ianya dikenali sebagai “Mauzunat”.
- iii. Harta yang dikenali sebagai “ Adadiyat ” iaitu barang yang dijual mengikut bilangan seperti buah-buahan.
- iv. Harta “Maznuat” ialah barang yang dijual dan dikira mengikut ukuran panjang seperti satu meter kain dan sebagainya.

Bagi barang-barang yang tergolong di bawah “Malikat”, “Mauzunat” dan “Adadiyat” juga dikenali sebagai “Miqdarat”. Selain daripada itu terkandung di bawah harta Alih ialah “Arudh” iaitu barang perabot dan haiwan.⁵

Harta tak alih yang dikenali sebagai “^{عقار}” ialah harta tetap yang tidak boleh dipindahkan tanpa berlaku kebinasaan. Harta ini tidak boleh dipindahkan

¹ Abdul rahim, hal.267.

² Anuar Ahmad Qadri, hal 314

³ Dr. Wahbah Al-Zuhaili, Al-Figh Al-Islami Wa Adillatuhu, hal. 46

⁴ Ibid, hal. 47

⁵ Dr. M.S Rana, hal. 161.

atau dialih-alihkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti tanah.¹ Di samping tanah, harta tak Alih juga adalah merangkumi bangunan-bangunan atau lebih dikenali sebagai benda lekat mati². Menurut Islam harta tak Alih juga boleh dijadikan wakaf dan kebanyakan fuqaha berpendapat bagi harta alih tidak boleh dijadikan harta wakaf.

Perbincangan mengenai harta tak alih ini, beberapa pandangan telah dikemukakan:

- i. Bagi Mazhab Hanafi telah mengemukakan pendapat bahawa harta tak alih ini ialah harta yang tidak mungkin dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti tanah tetapi tidak termasuk bangunan. Bagi Mazhab ini bangunan - bangunan dan pokok-pokok yang terletak di atas tanah dianggap “manqul” menurut undang-undang sivil.
- ii. mengikut pendapat maliki pula harta tak alih ialah satu bentuk harta yang tetap. Harta ini tidak boleh dipindah-pindahkan serta tidak boleh dialih-alihkan dan kekal di dalam bentuk dan keadaan yang asal.³

Hasil dari perbincangan mengenai harta alih dan harta tak alih dari berbagai pendapat timbul di kalangan ulama, maka terdapat beberapa kesan hukum yang dapat diambil daripada perbincangan tersebut. Antaranya ialah :

- i. Hak “Syufa atau “syufah” tidak akan berlaku ke atas harta tak alih tetapi tidak pada harta alih.
- ii. bagi orang-orang yang menerima wasiat untuk menjual harta alih seorang kanak-kanak yang belum sampai umur kerana muslihat tertentu adalah diharuskan berbuat demikian. Tetapi di dalam hal ini tidak pula dibolehkan menjual harta tak alih kanak-kanak melainkan ada alasan yang dibenarkan oleh syarak seperti menjual untuk membayar hutang kanak-kanak tersebut.
- iii. Abu Hanafiah dan Abu Yusof mengharuskan penggunaan “Taaruf” harta tak alih sebelum berlaku pembayaran dan penerimaan, tetapi Muhammad al- Hassan dan al-Syafii tidak mengharuskannya.

2.5.3 Harta Mithli dan Qimi.

Pengelasan harta di dalam Islam dibahagikan juga kepada harta Mithli dan Qimi. Semua benda itu dikategorikan sebagai “Mithli” iaitu harta yang berada di dalam kumpulan yang ada persamaan. Biasanya barang ini dijual mengikut muatan

¹ Abdul Rahim, hal. 276.

² Mohd Riduan Awang, hal. 98.

³ Mohd Ridzuan, hal. 102.

(sukatan) atau berat (timbangan) seperti emas, perak, biji-bijian, minyak dan sebagainya.

Sesuatu yang dikelaskan sebagai harta Qimi ialah barang-barang yang tergolong di dalam kumpulan yang berlainan. Tidan ada yang serupa dengannya di pasar atau sekiranya ia boleh didapati di pasar tetapi mempunyai beberapa perbezaan diantara barang-barang tersebut. Barang-barang ini pada kebiasaannya tidak dijual melalui kiraan, timbangan atau sukatan seperti tanah, rumah, perabot,, binatang, pakaian dan sebagainya.¹

Sehubungan dengan pembahagian harta kepada Mithli dan Qimi ialah pembahagian harta kepada ain dan dayn. Harta Mithli tidak boleh dikembalikan secara^c ain tetapi secara dayn. Misalnya emas dan perak dalam bentuk wang , biji-bijian atau minyak. ^c Ain ialah dikhususkan manakala dayn tidak dikhususkan. Apabila seseorang itu memperolehi harta tertentu dari seseorang yang lain yang tidak meminjam benda rainya , dia diberi hak untuk mendapat kembali hartanya dalam bentuk yang sama jenis dipanggil secara ^c ain dan jika tidak dipanggil secara dayn. Contoh yang lain, jika A mempunyai seratus gantang beras di dalam gudangnya dan telah bersetuju untuk menjualnya kepada B tanpa dikhususkan beras yang berada di dalam gudangnya. Begitu juga seseorang yang memberi pinjam sejumlah wang ke[ada seseorang yang lain tidak berhak untuk meminta barang yang sama untuk dikembalikan.¹

2.5.4 Harta Isthā halakī dan isthā malī

Harta Isthā halikī ialah sesuatu yang tidak boleh diambil manfaatnya kecuali merosakkan ainnya seperti makanan, minuman, kayu, api, wang dan sebagainya. Semua benda ini terpaksa dimusnahkan untuk diambil manfaatnya termasuk wang melalui pertukaran dari tangan pemiliknya apabila hendak dimanfaatkan. Harta Isthā malī ialah sesuatu yang boleh diambil manfaatnya dengan mengekalkan ainnya seperti harta tak alih, pakaian, buku dan sebagainya.²

¹ Dr. Mohd Yusof Musa, Al-Fiqh Al-Islami. Cetakan ketiga, (Kaherah : tanpa penerbit, 1958), hal. 251.

² Dr. Wahbah Al-Zuhaili, Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu, hal.55.

Bibliografi

Al-Quran dan terjemahan, Bahagian Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur :1983 M.

Al-Syafik I, Muhammad bin Idris. Al-Umm. Matbakah al-kulliyah al-Azhariyah, 1961, jilid 7.

Mohd Yusof Musa. Al-Fiqh al-Islami, cetakan ketiga. Kaherah : 1958.

Al-Zunaili, Dr. Wahbah. Al-Fiqh al-Islam Wa Adillatuhu al-Nazaraiat Al-Fiqhiah Wal Uqud, Dar al-Fikr:

Al-Usul al-Ammah Li Wihdan al-Din al-Haq. Damsyiq : al-Maktabah al-Abbasiyah, 1972.

Buku-buku Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

Abbas haji Ali. Rembau Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya. Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953.

Anwar Ahmad Qadri. Islamic Jurisprudence in The Modern Wold, Second Revised Editor. Pakistan : S.H Muhammad Ashraf Kasmin Bazar Lahore, 1973.

Abdul Sanad Idris. Negeri Sembilan Dan Sejarahanya. Kuala Lumpur : Penerbit Utusan Melayu, 1968.

. Hubungan Negeri Minangkabau Dan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Kebudayaan. Seremban : Pustaka Asas Negeri, 1970.

Abdullah Siddik . Penghantar Undang-undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 1975.

Abdul Rahman Haji Muhammad. Dasar-dasar Adat Perpatih Kuala Lumpur : Penerbit Pustaka Antara, 1964.

Abdul Rahim. The Principle Of Muhammad And Jurisprudence Pakistan : Law Publishing Campony, t.t.

Abdul Rashid Haji Abdul Latif. Hukum Pustaka Islam. Kuala Lumpur : Penerbitan Hizbi, 1987.

Buyong Adil. Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.

Gibb And Kramers, H.A.R. Shorten Encyclopedia Of Islami. Liedin : Brill, 1961.

Mohd. Ridzuan Awang. Konsep Undang-undang Tanah Islam.Pendekatan Perbandingan. Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, 1987.

Rana. M.S Comparative Jurisprudence, Pakistan : Law Publishing Company, Katchery Road, Lahore, t.t

Shellabear, W.G. Sejarah Melayu (Edisi Baru). Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1967.

Nordin Selat . Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distribution Sdn. Bhd. 1975.

Winsted, R.O. Negeri Sembilan (The History, Polity And Belief Of The State). T. tp dan t.t

Kertas Kerja Seminar

Abdul Rashid Haji Abdul Latif “Konsep Keadilan Hukum Pusaka (Faraid)”. Seminar Peringkat Kebangsaan. Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, di UKM pada 22hb-23hb Syaaban, 1403 H.

Abdul Samad Idris, “Secebis Mengenai Adat Perpatih : Nilai Dan Falsafah”. Kertas Kerja Seminar. Anjuran PERMANIS di UKM pada 17hb. -18hb. September 1988.

_____.”Kemurnian Dalam Adat-Adat Perpatih”. Anjuran MBNS di Seremban pada 9hb.-12hb. April .1974.

Idris Haji Tain. “Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan”. Kertas kerja Seminar Dan Persejarahan Adat Perpatih. Anjuran MBNS di Seremban pada 9hb. -12hb April .1974.

Mansor Haji Jamaluddin. “Konsep Harta Dalam Sistem Adat Perpatih”. Kertas kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Anjuran MBNS di Seremban pada 9hb-12hb. April 1974.

Norhalim Haji Ibrahim. “Etika Dan Estetika Di Dalam Adat Perpatih”. Kertas kerja Seminar. Anjuran PERMANIS di U.K.M pada 17hb.-18hb. September 1988.

Rais Yatim. “Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law & Equity (Satu Analisa Perbandingan)”. Kertas kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Anjuran MBNS Di Seremban pada 9hb.-12hb .April 1974.

Ramli bin Ibrahim.” Seimbis Lalu Berkenaan Persejarahan Dan Adat Perpatih Masa Kini”, Kertas kerja Seminar. Anjuran PERMANIS DI U.K.M pada 17hb, - 18. September 1988.

Majalah, Akhbar Dan Journal

Ahmad Ibrahim. Islam Customary Law Of Malaysia. Intisari, Vol. ii. No.2.

Customary Tenura Enactment, Bahagian 215, Perkara 15

Encyclopedia Britannica, Vol. 6,Great Britain, 1974.

Muhammad Din Bin Ali. Malay Customary Law. Intisari, Vol. vii. No.2, 1968.

Muhammad Sharif Fakeh. Tanah Pusaka Adat Di Negeri Sembilan Sepintas Lalu.

Warisan, Journal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Taylor, E.N. Customary Law Of Rembau. JMBRS. .VOL. vii. 1929.

.....Inheritance in Negeri Sembilan 1929.

..... Di Dalam Buku Hookers, Reading In Malay Adat Law's.

Wilkinson. R.J. Malay Law. Diedit oleh M.B. Hooker.

Winsted, R.O. Old Malay Legal Digest And Malay Customary Law. JMBRAS. London : t.tp.1945.

Small Estate (Distribution) Act. 1955, Revised 1972, Act. 98. Perkara 20 (1) & 24.

Temu Bual

Dato' Mohd Syarif Fakeh Hassan. Ketua Adat Di Rembau, pada 24hb. September 1988.

YM. Dato' Shah bandar Dato' Haji Alyas Wahid. Setiausaha YTM. Undang Luak Rembau pada 24hb. September 1988.